

91
NO. SOALAN : 350

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN
MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi konsep projek perumahan anggota tentera dan juga veteran dengan membenarkan anak-anak mereka turut berhak membeli rumah tersebut sama seperti konsep Projek Perumahan Awam 1Malaysia yang diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini.

02

JAWAPAN:

Program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR) merupakan suatu inisiatif dalam Teras Perumahan Kementerian Pertahanan yang bertujuan menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga anggota dan veteran ATM. Matlamat utama program SASaR adalah membantu warga ATM bagi memiliki rumah persendirian selepas menamatkan perkhidmatan dan membantu veteran yang masih belum memiliki rumah. Program SASaR ini juga dilihat sebagai platform terbaik dalam mengurangkan kebergantungan kepada kuarters perumahan Angkatan Tentera oleh anggota yang masih dalam perkhidmatan.

Kementerian Pertahanan juga bersedia mempertimbangkan cadangan bagi memperluaskan lagi konsep program projek perumahan anggota dan veteran dengan membenarkan anak-anak mereka turut layak membeli rumah tersebut pada masa hadapan dengan cara kelonggaran permohonan pembiayaan bersama (*combine loan*) di antara anak-anak dengan anggota dan veteran ATM.